



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Gagal patuh perintah award tribunal pengguna

Syarikat pakej umrah, suami isteri didakwa 63 pertuduhan

Pasangan tak mengaku salah ingkar bayar RM589,031

Oleh Faris Fuad

faris.fuad@bh.com.my

Putrajaya: Sebuah syarikat pengendali pakej umrah bersama dua pengaranya didakwa di Mahkamah Majistret semalam, atas 63 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan wang berjumlah RM589,031 kepada 21 mangsa.

Syarikat berkenaan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd diwakili dua pengarah berkenaan iaitu Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga suami isteri.

Pasangan terbabit mengaku tidak bersalah, sejurus pertuduhan dilakukannya terhadap mereka di hadapan Majistret, Irza Zulaihha Rohanuddin.

Mengikut pertuduhan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd sebagai



Zulkarnain dan Mazuin hadir di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)

sebuah syarikat dengan Zulkarnain dan Mazuin, selaku orang kena saman (OKS) masing-masing berdepan 21 pertuduhan kerana gagal mematuhi award TPPM berkenaan.

Kesalahan didakwa dilakukan di pejabat TPPM di Aras 5, Podium 2, No 13, Persiaran Perdana Pre-

sint 2, di sini, antara 8 Jun hingga 25 Ogos 2023.

Pendakwaan mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Susulan pengakuan tidak ber salah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Sophian Zakaria, mencadangkan kedua-dua OKS masing-masing diikat jamin RM42,000 dengan seorang penjamin.

"Memandangkan OKS biasa ke luar negara, kita mohon pasport diserahkan kepada mahkamah. Selain itu, OKS perlu melaporkan diri di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) di Putrajaya setiap bulan.

"Kes ini berprofil tinggi, serius dan tak remeh walaupun hanya kes saman ia membabitkan ratusan award dan kerugian ratusan ribu ringgit," katanya.

Bagaimanapun, peguam bela ketiga-tiga OKS, Datuk Hanif Hassan, membantah sebarang jaminan dikenakan kerana tiada keperluan, namun bersetuju dengan syarat tambahan iaitu pasport diserah pada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat KDN.

"Dalam masa setahun, OKS ada membuat bayaran funtutan tetapi tidak secara keseluruan. Nam-pak usaha mereka untuk selesaikan, namun pada Julai lalu, lesen syarikat digantung.

"Sekurang-kurangnya mereka berusaha membuat bayaran, kena

lihat situasi menang-menang," katanya.

Jaminan RM6,300

Majistret kemudian memberikan jaminan RM6,300 terhadap kedua-dua pengarah itu dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan.

Sebutan semua kes ditetapkan 26 Februari ini.

Media melaporkan lesen Emraz Travel & Tours Sdn Bhd digantung selama enam bulan berkaitan kuasa hingga 9 Januari lalu.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing, dipetik berkata perkara itu diputuskan selaras Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) di bawah subseksyen 8(1)(d) iaitu menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudarkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara.

Pada 2 April tahun lalu, Lem-baga Tabung Haji (TH) menggantung lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) Emraz Travel & Tours sebagai langkah awal untuk melindungi kebaikan bakal jemaah haji susulan aduan awam berkenaan perkhidmatan umrah yang ditawarkan syarikat terbaik.

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Putrajaya

HARI: SELASA

TARIKH: 16/1/2024

M/SURAT: 13

Nafi 63 pertuduhan

Pengendali umrah didakwa gagal bayar RM589k babit 21 mangsa

Suami isteri yang juga Pengarah Emraz Travel & Tours Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam terhadap 63 pertuduhan gagal mematuhi perintah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berjumlah RM589,031, tahun lalu.

Bagaimanapun, Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan isteri Datin Mazuin Mustafa, 43, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Irza Zulaikha Roha-nuddin.

Kedua-dua pengarah syarikat pengendali umrah itu dilihat tenang sebaik kesemu pertuduhan dibacakan ke atas mereka.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke-63, Emraz Travel & Tours, Zulkarnain dan Mazuin selaku Orang Kena Saman (OKS) didapati masing-masing atas 21 pertuduhan gagal mematuhi award TTPM yang memerintahkan supaya membayar

RM589,031 kepada 21 mangsa.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 8 Jun 2023 hingga 25 Ogos 2023 di Pejabat TTPM di Aras 5, Podium 2, No 13, Persiaran Perdana Presint 2, di sini.

Bagi semua kesalahan, syarikat itu dan kedua-dua pengarah berkenaan didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama yang memperuntukan denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohd Sophian Zakaria menawarkan jaminan RM2,000 bagi setiap pertuduhan dengan masing-masing seorang penjamin warga tempatan, pasport diserahkan kepada mahkamah serta melapor diri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), di sini.

ZULKARNAIN dan Mazuin mengaku tidak bersalah atas 21 pertuduhan gagal mematuhi perintah TTPM berjumlah RM589,031 antara Jun sehingga Ogos tahun lalu di Mahkamah Majistret Putrajaya. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

"Untuk makluman mahkamah, kes ini membabitkan keingkaran award berjumlah RM589,031 memb

bitkan 21 mangsa.

"Dalam siasatan keseluruhan, hampir 100 award membabitkan semua OKS ini yang mana pertuduhan

bermula di hadapan puan (Majistret Irza Zulaikha) dan teruskan jadual roadshow ke seluruh negara," katanya.



Mohd Sophian berkata, perintah award itu diberikan berikutan kegagalan OKS menuaikan tanggungjawab untuk menghantar mangsa-mangsa ke Tanah Suci.

"Mangsa ini adalah orang kebanyakannya yang mengumpul wang untuk mengerjakan umrah, kesusa-han ditanggung (bila) wang tidak diberikan dan tidak dapat menuaikan umrah," katanya.

Peguam Datuk Hanif Hassan yang mewakili OKS membantah permohonan untuk mengenakan jaminan kerana tidak diperlukan.

"Tujuan jaminan bagi memastikan kehadiran OKS ke mahkamah dan ini tidak menampakkan satu hukuman.

"Dalam situasi ini, (OKS dikenakan) 63 pertuduhan kerana tidak dapat menepati award akibat ketidakmampuan kewangan," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Irza Zulaikha menetapkan jaminan RM6,300 untuk kedua-dua pengarah dengan seorang penjamin dan syarat seperti diminta pihak pendakwaan.

Terkejut usai makan ayam goreng kunyit

Peniaga makan di Langkawi didakwa caj RM20 satu piring



AYAM goreng kunyit yang dicaj sebuah kedai makan di Pantai Chenang, Langkawi.



Oleh Hamzah Osman
 am@hmetro.com.my

Langkawi

Sorang individu terkejut apabila dicaj RM20 untuk hidangan sepiring ayam goreng kunyit di sebuah kedai makan di Pantai Che-

nang di sini.

"Patutlah orang luq (luar) kata Langkawi mahai (mahal), hampa (kamu) rasa baloii (sepadan) ka kena harga camni? nasi putih RM3, ayam goreng kunyit bodooh camtu saja sorang makan RM20, ais kosong RM1 naya kena RM24,



INDIVIDU menunjukkan bukti resit pembayaran yang dibuatnya.

"Tu gambaq (gambar) kedai aku dah snap (ambil) tengoklah kat mana area Chenang jangan hampa (kamu) terkena sudah," kata individu yang memuat naik resit berkenaan di laman sosial Facebook dikenali sebagai Hada Jais.

Resit itu tular di media sosial sejak semalam.

Pada masa sama, pengadu terbabit meminta netizen jangan mengecamnya kerana membuat hantaran itu di media sosial susulan rasa tidak puas hati dengan harga

yang dikenakan untuk sepiring ayam goreng kunyit dipesannya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah Affendi Rajini Kanth berkata, isu ini sudah sampai ke pengetahuan KPDN dan siasatan sedang dijalankan.

"Saya sudah arahkan penguat kuasa membuat siasatan dan jika ada kes, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan," katanya dihubungi, semalam.

Pengarah Emraz Travel didakwa gagal patuhi award tribunal tuntutan pengguna

PUTRAJAYA: Dua pengarah syarikat perkhidmatan umrah dan haji, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd yang juga pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berjumlah RM589,031 tahun lalu.

Datuk Zulkarnain Endut, 43, dan isterinya, Datin Mazuin Mustafa, 43, selaku Orang Kena Saman (OKS) bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

Berdasarkan pertuduhan

pertama hingga ke-63, syarikat itu, Zulkarnain dan Mazuin sebagai OKS pertama, kedua dan ketiga masing-masing dituduh atas 21 pertuduhan gagal mematuhi award TPM yang memberintahkan supaya membayar RM589,031 kepada 21 individu yang menuntut wang itu.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat TPM, Aras 5, Podium 2, No.13, Persiaran Perdana, Presint 2, di sini antara 8 Jun hingga 25 Ogos 2023.

Oleh yang demikian, OKS dan syarikatnya didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan boleh dihukum di bawah seksyen dan

akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Sophian Zakaria manakala OKS diwakili peguam Datuk Hanif Hassan.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah supaya memberikan ikat jamin RM2,000 bagi setiap satu pertuduhan, menyerahkan pasport dan melapor diri setiap bulan di pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Penyeludup ditahan 'tersangkut' di pembahagi jalan

PASIR MAS: Seorang lelaki tidak sempat menyeludup 1.19 tan minyak masak peket bersubsidi apabila ditahan selepas kereta Perodua Alza dipandunya 'tersangkut' pada pembahagi jalan semasa membuat pusingan U di persimpangan lampu isyarat Kampung Dangar, di sini.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, anggota bertugas tersem-pak dengan kereta itu yang dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Salah seorang rakan suspek yang duduk di tempat duduk penumpang keluar secara melulu untuk melarikan diri semasa kereta itu sedang melakukan pusingan u sebelum tersangkut di pembahagi jalan.

Pekedai caj ayam goreng kunyit RM20 sepinggan

KPDN Kedah beri tempoh 2 hari bekerja kepada pemilik untuk jawab notis diberikan

Oleh ROSLINDA HASHIM
LANGKAWI

Sorang pelanggan yang mengunjungi sebuah kedai makanan di Pantai Chenang tidak berpuas hati apabila dikenakan caj sebanyak RM20 untuk hidangan sepinggan ayam goreng kunyit.

Pengadu yang dikenali sebagai Hada Jais memuat naik resit berkenaan di laman sosial miliknya kerana menyifatkan harga tersebut terlalu mahal.


Pengadu turut memaklumkan, dia terpaksa membayar RM24 untuk keseluruhan hidangan dipesannya iaitu sepinggan ayam goreng kunyit (RM20) sepinggan nasi putih berharga RM3 dan air kosong (RM1).

"Patutlah orang luaq (luar) kata Langkawi mahai (mahal), hampa (kamu) rasa baloi (sepadan) ka kena harga macam ni? Nasi putih RM3, ayam goreng kunyit bodoh saja sorang makan RM20, ais kosong RM1. Naya kena RM24," tulisnya dalam hantaran di Facebook yang tular sejak Ahad.

Pengadu turut berpesan kepada orang ramai agar berhati-hati dan tidak mengalami nasib sepertinya.

"Tu gambaq (gambar) kedai aku dah snap (ambil) tengoklah kat mana area Chenang, jangan hampa (kamu) terkena sudah," katanya.

Dalam pada itu, pengadu terbabit meminta agar netizen tidak menge-



Gambar resit ayam goreng kunyit berharga RM20 yang dimuat naik di Facebook pengadu.

camnya kerana membuat hantaran tersebut di media sosial gara-gara tidak berpuas hati dengan harga dikenakan.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, tindakan telah diambil terhadap pemilik kedai makan tersebut selepas anggota penguatkuasaan KPDN menjalankan pemeriksaan.

"Satu Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan kepada pemilik kedai makan bagi mendapatkan maklumat penyediaan kesemua menu yang dipesan pengadu."

"Pemilik diberikan tempoh dua hari bekerja untuk menjawab notis tersebut," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya lagi, siasatan mendapat buku menu di kedai berkenaan memaparkan harga bagi se-

pinggan ayam goreng kunyit adalah RM20.

"Pelanggan dinasihati supaya menyemak harga terlebih dahulu sebelum membuat pesanan. Sebagai pengguna anda berhak untuk mendapatkan maklumat," ujarnya.

Affendi memaklumkan, hasil periksaan tanda harga di premis terbabit mendapat sebanyak 10 buku menu disediakan untuk pelanggan.

"Premis berkenaan dibuka enam hari seminggu, bermula 10 pagi sehingga 10 malam dan kebanyakan pelanggan di situ merupakan pelancong luar negara."

"Kita turut mengambil resit bayaran oleh pengadu pada hari kejadian untuk siasatan lanjut," jelas beliau.

Menurutnya lagi, bagaimanapun pengadu gagal dihubungi bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan aduan apabila panggilan telefon tidak dijawab.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MyCC diminta kaji isu kartel import makanan

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) diminta mengkaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam pengimportan barang berasaskan makanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ketetapan itu antara perkara disentuh dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang turut membincangkan mengenai penambahbaikan tatakelola permit diluluskan (AP) dan permit import (IP) ke arah meningkatkan daya saing negara.

Menurut beliau, kerajaan akan mencari satu formula yang

“Kerajaan akan mencari satu formula yang bukan hanya memberi keuntungan kepada pengguna, tetapi kepada pengeluar tempatan.”

ANWAR IBRAHIM

bukan hanya memberi keuntungan kepada pengguna, tetapi

kepada pengeluar tempatan terutamanya dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat tersebut turut dipersetujui setiap agensi kawal selia yang berkaitan diminta mengemukakan kaedah penambahbaikan kepada Jamaah Menteri bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan proses analisis risiko import.

“Ketua Audit Negara disaran untuk melaksanakan proses audit bagi sektor-sektor terpilih bagi memastikan pelaksanaan AP dan IP mencapai sasaran dan memenuhi matlamat ditetapkan.

“Selain itu, Perbadanan Pro-

duktiviti Malaysia (MPC) diarahkan untuk melaksanakan kajian dan penilaian terhadap tatakelola dan pengimporan barang halal. Manakala MyCC diminta mengkaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam isu pengimportan barang berasaskan makanan,” kata beliau selepas mempergerusikan mesyuarat MTEN yang pertama untuk tahun ini.

Dalam pada itu itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat MTEN juga menyentuh aspek berkaitan keselamatan data dan kaedah untuk meningkatkan jumlah pendaftaran Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan pada 2 Januari lalu.

Bincang tambah baik tatakelola AP, IP tingkat daya saing

Kerajaan cari formula pastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Setiap agensi kawal se lia berkaitan diminta mengemukakan kaedah penambahbaikan kepada Jemaah Menteri bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusuran proses analisis risiko imp ort, kata Datuk Seri Anwar Ibra him.

Perdana Menteri berkata per kara itu dipersetujui dalam me syuarat Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) yang dipengerusi kannya di sini, semalam.

"MTEN hari ini membincang kan mengenai penambahbaikan tatakelola Approved Permit (AP) dan Permit Import (IP) ke arah meningkatkan daya saing negara.

"Adalah penting bagi kerajaan mencari satu formula bukan sa haja memberi keuntungan kepada pengguna tetapi juga kepada pengeluar tempatan terutama dalam memastikan keterjaminan



Amir Hamzah Azizan



Gobind Singh Deo



Tengku Zafrul

bekalan makanan negara sentia sa mencukupi," katanya mene rusi perkongsian pada akaun Fa cebook miliknya semalam.

Anwar turut menyarankan Ke tua Audit Negara melaksanakan proses audit untuk sektor ter pilih bagi memastikan pelaksanaan AP dan IP mencapai sa saran dan memenuhi matlamat ditetapkan.

Kaji isu kewujudan kartel

Selain itu, beliau turut mengarahkan Perbadanan Produktiviti Ma laysia (MPC) untuk melaksanakan kajian dan penilaian ter hadap tatakelola dan pengim por tan barang halal.

Suruhanjaya Persaingan Ma laysia (MyCC) pula diminta meng kaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam isu pengimportan barang berdasarkan makanan.

Dalam pada itu, Anwar berka t bagi memperkuatkan keber kasanan perbincangan dan kepu tusan, beliau bersetuju menan bah ahli tetap MTEN.

Mereka adalah Menteri Pel buran, Perdagangan dan Indu tri, Tengku Datuk Seri Utam Zafrul Tengku Abdul Aziz; Men teri Digital, Gobind Singh De o dan Menteri Kewangan II, Datu Seri Amir Hamzah Azizan.

"Terkait dengan pelaksanaan Sistem Pangkalan Data Utam (PADU) yang saya luncurka pada 2 Januari 2024, mesyuarat membentangkan kemajuan s masa dan memberi pandangan langkah yang perlu diambil ole agensi berkaitan.

"Ini terutamanya berkaitan k selamatan data dan kaedah u tuk meningkatkan jumlah pe daftaran," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Minyak masak peket barang 'eksklusif' di Kampar

KAMPAR — Seorang peniaga runcit di Mambang Diawan di sini mengeluh kerana terputus bekalan minyak masak peket 1 kilogram (kg) yang dihantar oleh pembekal iaitu pada kadar purata sebulan hingga dua bulan sekali.

Malah, minyak masak peket 1kg yang dibekalkan oleh pembekal dalam kuantiti kecil selain perlu mengambil barang lain yang bersifat tidak begitu perlu untuk jualan secara harian.

Peniaga yang mahu dikenali sebagai Maimunah, 50, itu berkata, beliau mendapat bekalan minyak masak peket 1kg kira-kira sebulan lalu.

"Susah untuk dapat bekalan sekarang malah pembekal sengaja meletakkan syarat iaitu mesti membeli barang lain seperti barang runcit tidak diperlukan seperti tisu, tuala wanita dan minyak wangi.

"Jika tidak ambil barang tersebut pembekal tidak mahu menjual minyak masak peket 1kg kepada saya.

"Bekalan pun terhad iaitu 30 peket sahaja dalam masa beberapa jam sudah habis dijual. Sebenarnya bukan untung sangat hanya 10 sen kerana harga pembekal ialah RM2.40," katanya ketika ditemui semalam.



KEDAI runcit di Mambang Diawan, Kampar yang mendakwa terputus bekalan minyak masak peket sekilogram sejak sebulan lalu.

Minyak masak peket 1kg menjadi rebutan pelanggan di negara ini kerana harganya semurah RM2.50 sepeket. Minyak masak botol salz yang sama dijual dalam pasaran dengan harga RM6.90 iaitu lebih RM4.40.

Sementara itu, seorang penduduk di Taman Aman Kampar, Halim Jantan, 45, berkata, beliau bernasib baik kerana dapat membeli sepeket minyak masak peket 1kg dua minggu lalu di sebuah kedai runcit.

"Itupun selepas habis saya meronda kedai runcit dan pasar raya sekitar Kampar. Ada peniaga itu meletakkan syarat iaitu membeli barang lain dengan terhad seorong sepeket sahaja.

"Jika tidak membeli barang lain harganya jadi RM2.60 pula," katanya.

Dia berharap manipulasi minyak peket perlu dibanteras bagi elak rakyat sendiri sudah mendapat bekalan berbanding ketirisan yang banyak berlaku.

Kos tinggi atau peniaga tamak?

SEJAK kebelakangan ini tular beberapa rungutan orang ramai tentang harga makanan yang mahal terutama di pusat peranginan.

Namun memang sudah jadi lumrah sejak dulu lagi, harga makanan 'automatik' akan menjadi lebih tinggi di tempat-tempat berkenaan.

Lebih terasa mahal apabila lokasi tersebut melibatkan kawasan tanah tinggi dan pulau seperti di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Cameron Highlands dan banyak lagi lokasi.

Ada dua alasan yang sering digunakan pengusaha iaitu kos untuk membawa bahan mentah tinggi dan mereka hanya mendapat pelanggan ketika waktu tertentu sahaja.

Rata-rata pelancong memang sudah faham dengan situasi tersebut dan bersedia untuk berbelanja lebih kerana sudah ada bajet untuk bercuti.

Bagaimanapun, kita harap peniaga atau pengusaha jangan mengambil kesempatan hingga sanggup mengenakan harga yang tidak masuk akal.

Dua minggu lalu, tular sebuah restoran di Pantai Chenang mengenakan caj RM5 untuk segelas air kosong, namun pemiliknya menafikan perkara tersebut dan menjelaskan ia adalah satu kesilapan. Harga sebenar ialah RM1 sahaja.

Terbaru tular pula satu lagi kes apabila seorang pelanggan tidak puas hati apabila dikenakan caj RM20 untuk hidangan sepanggan ayam goreng kunyit yang juga berlaku di lokasi peranginan yang sama.

Pengadu mendakwa dia juga membayar RM24 untuk keseluruhan hidangan dipesannya, iaitu sepanggan ayam goreng kunyit (RM20) sepanggan nasi putih berharga RM3 dan air kosong (RM1).

Jadi ini menjadi satu persoalan yang besar kepada kita semua adakah kos tinggi yang benar-benar menjadi punca utama harga makanan tersebut mahal atau sebenarnya peniaga yang sengaja mencari peluang untuk meraih untung besar.

Sebagai contoh menarik dibangkitkan oleh salah seorang warganet di akaun X yang membandingkan harga segelas teh hijau popular yang dijual di Thailand hanyalah RM3 sahaja, tetapi di Malaysia, segelas air teh hijau yang sama dijual pada harga RM10.

Jadi kita berharap sudah sampai masanya Kementerian Perdagangan Dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk mencari mekanisme terbaik untuk menghukum peniaga yang tidak beretika.

Selain itu, pengguna juga perlu terus menggunakan kuasa dan hak masing-masing untuk memboikot peniaga terbabit.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JANUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jan	HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1200464/harga-sepiring-ayam-goreng-kunyit-rm20	BERITA HARIAN
16-Jan	HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1050708/pekedai-caj-rm20-sepiring-ayam-goreng-kunyit	HARIAN METRO
16-Jan	HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/terkejut-harga-sepinggan-ayam-goreng-kunyit-rm20/	KOSMO
16-Jan	PENYELUDUPAN MINYAK DIESEL	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/644424	SINAR HARIAN
16-Jan	PENYELUDUPAN MINYAK MASAK PAKET	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2024/01/15/tak-sempat-seludup-1190-kilogram-minyak-masak-peket/	SINAR HARIAN
16-Jan	PENYELUDUPAN MINYAK MASAK PAKET	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/lelaki-seludup-1-19-tan-minyak-masak-peket-ditahan-selepas-gagal-buat-pusingan-u/	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	KEPERLUAN BARANGAN ASAS	https://www.suarakeadilan.my/post/menteri-wilayah-maklum-masalah-labuan-pertimbang-tambah-kemudahan	SUARA KEADILAN
16-Jan	KEKURANGAN BEKALAN GULA DI LABUAN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-kekurangan-bekalan-gula-di-labuan-selesai-rabu-ini-armizan-454203?amp=1	ASTRO AWANI
16-Jan	KEKURANGAN BEKALAN GULA DI LABUAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2262775	BERNAMA

16-Jan	KEKURANGAN BEKALAN GULA DI LABUAN	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2024/01/15/masalah-kekurangan-bekalan-gula-di-labuan-selesai-rabu-ini-armizan/	SINAR HARIAN
16-Jan	KEKURANGAN BEKALAN GULA DI LABUAN	https://www.sinarharian.com.my/article/644552/berita/nasional/masalah-kekurangan-bekalan-gula-di-labuan-selesai-rabu-ini---armizan	SINAR HARIAN
16-Jan	KEKURANGAN BEKALAN GULA DI LABUAN	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/masalah-bekalan-gula-di-labuan-dijangka-pulih-esok	BERITA RTM
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/644516	SINAR HARIAN
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/raih-rm15000-seminggu-jual-produk-tiruan-jenama-terkenal-melalui-live/	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.tvsarawak.my/2024/01/15/kpdn-sita-1437-barang-jenama-mewah-tiruan/	TV SARAWAK
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2262673	BERNAMA
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://thesun.my/local_news/four-held-fake-branded-items-worth-over-rm70000-seized-NB11989150	THESUN
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1050820/pasangan-jual-barang-tiruan-raih-rm5000-setiap-kali-live	HARIAN METRO
16-Jan	JUAL BARANGAN TIRUAN JENAMA TERKENAL	https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/raih-rm15000-seminggu-jual-produk-tiruan-berjenama-secara-live/	KOSMO

16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1050773/2-pengarah-agensi-umrah-kena-63-pertuduhan	HARIAN METRO
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.sinarharian.com.my/article/644489/berita/semasa/syarikat-umrah-dua-pengarah-didakwa-63-pertuduhan	SINAR HARIAN
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1200609/emraz-travel-suami-isteri-pengarhnnya-hadapi-63-tuduhan-ingkar	BERITA HARIAN
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/syarikat-umrah-dua-pengarah-didakwa-gagal-patuhi-award-ttpm/	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pakej-umrah-emraz-travel-2-pengarah-dihadap-ke-mahkamah-gagal-patuhi-perintah-award-ttpm-454166	ASTRO AWANI
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/480043	THE MALAYSIA INSIGHT
16-Jan	AGENSI UMRAH GAGAL MEMATUHI TPM	https://thesun.my/cerita/syarikat-pengendali-pakej-umrah-dua-pengarah-didakwa-gagal-patuhi-perintah-award-ttpm-JB11989101	THE SUN
16-Jan	HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tak-puas-hati-ayam-goreng-kunyit-rm20-sepinggan-di-langkawi-454156	ASTRO AWANI
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/644542	SINAR HARIAN
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1200714/peniaga-ayam-goreng-kunyit-rm20-di-langkawi-diberikan-notis-kpdn	BERITA HARIAN
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.kosmo.com.my/2024/01/16/peniaga-diberi-tempoh-dua-hari-tunjuk-kos-menu-ayam-goreng-kunyit-rm20/	KOSMO

16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	http://www.bernama.com/bm/ news.php?id=2262743	BERNAMA
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.thestar.com.my/ news/nation/2024/01/15/ langkawai-eatery-grilled-over- rm20-039ayam-goreng-kunyit039	THESTAR
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.hmetro.com.my/ mutakhir/2024/01/1050867/ayam- goreng-kunyit-rm20-kpdn-keluar- notis-kepada-peniaga	HARIAN METRO
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.thestar.com.my/ news/nation/2024/01/15/ langkawai-eatery-grilled-over- rm20-039ayam-goreng-kunyit039	THESTAR
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https://www.astroawani.com/ berita-malaysia/kpdn-keluar-notis- -kepada-peniaga-jual-ayam- goreng-kunyit-rm20-di-langkawi- 454197	ASTRO AWANI
16-Jan	PENGELUARAN NOTIS HARGA MAKANAN AYAM GORENG KUNYIT MAHAL	https:// www.themalaysianinsight.com/ bahasa/s/480079	THEMALAYSIA INSIGHT